

Tharman: Wujudkan kejujuran bagi tangani isu sosial dan politik

KEPUTUSAN Britain keluar daripada Kesatuan Eropah (Brexit) dan Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat yang tidak dijangkakan mungkin dianggap mengejutkan, kata Timbalan Perdana Menteri Tharman Shanmugaratnam semalam.

Namun tambahnya, ia sebenarnya berpunca daripada perubahan dalam masyarakat sejak beberapa dekad lalu.

Bercakap di sebuah sidang ehwal

luar anjuran Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew, Encik Tharman menarik perhatian empat trend iaitu gaji mendatar, mobiliti sosial yang berkurangan, kekurangan rasa bersatu dalam masyarakat serta polarisasi politik dan media yang kian meningkat.

“Cara ‘permainannya’ dalam dunia lebih maju ini telah berubah dengan cara yang lebih membimbangkan,” ujarnya.

Beliau berkata demikian di sidang itu yang dihadiri sekitar 350 orang, termasuk pakar ehwal antarabangsa dari seluruh dunia.

Mereka antara lain membincangkan perubahan kuasa sejagat dan isu lain termasuk pentadbiran Trump pada masa akan datang dan kebangkitan Asia.

Encik Tharman berkata apa yang berlaku tahun lalu mungkin menimbulkan rasa putus harapan tentang masa

depan penyejagatan dan kerjasama antarabangsa.

Namun, dasar setempat penting bagi menangani trend yang suram, tambahnya.

“Cabaran sebenarnya bukan tentang penyejagatan tetapi tentang respons kepada dasar setempat.

“Di sesetengah negara, kita tidak dapat menyaksikan trend yang sama walaupun penyejagatan berlaku dengan cara yang sama,” kata Encik Tharman semasa berucap di akhir sidang tiga hari itu.

Bagi mengatasi isu gaji yang mendatar, mobiliti sosial yang berkurangan, kekurangan rasa bersatu dalam masyarakat serta polarisasi politik dan media yang kian meningkat itu, Encik Tharman menyarankan beberapa langkah yang boleh diambil.

Ini termasuk membantu warga membangunkan kerjaya mereka sepanjang hidup menerusi latihan kemahiran.

“Ini membawa harapan kerana ia membolehkan individu, masyarakat dan bandar bangkit menerusi keupayaan mereka sendiri,” ujarnya.

Selain itu, beliau turut menyarankan agar mengembalikan kejujuran dan pandangan jangka panjang dalam politik, sementara menawarkan harapan dan huraian yang nyata bagi golongan muda.